

**SOALAN NO. : NO. 70**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Raja Dato' Kamarul Bahrain Shah [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah status kilang Eastern Steel di Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu dan apakah bahan bakar utama untuk proses "Blast Furnace" yang dijalankan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Proposed Integrated Iron & Steel Mill At Teluk Kalung Industrial Estate, Mukim Teluk Kalung, Kemaman Terengganu oleh Eastern Steel Sdn. Bhd. telah pun mendapat kelulusan Laporan EIA Terperinci daripada Jabatan Alam Sekitar pada 27 Januari 2010.

Berdasarkan kepada pemeriksaan penguatkuasaan EIA pada 24 Februari 2015, mendapati status pembinaan projek ini adalah seperti berikut:

- i. *Steel Making Plant* - 89 %;
- ii. *Iron Making Plant* - 90 %;
- iii. *Sinter Plant* - 95 %; dan
- iv. *Oxygen Plant* - 100 %.

Bahan utama untuk proses *Blast Furnace* yang dijalankan adalah *sinter*, *lump ore*, *mixed ore* dan *coke*.

Sekian terima kasih.

**SOALAN NO.71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis-jenis bantuan yang masih diteruskan di Kementerian setakat ini dan apakah Kementerian bercadang mengubah kadar bantuan JKM memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi kumpulan sasar seperti kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Jenis-jenis bantuan bulanan yang disediakan oleh JKM mengikut kategori dan kadar bantuan adalah seperti berikut:

1. Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM350 sebulan diberi kepada OKU bekerja bagi pendapatan di bawah RM1,200. Ini adalah bagi memberi insentif kepada golongan (OKU) untuk bekerja;
  
2. Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar (BPT) dengan kadar RM300 sebulan seorang diberi kepada penjaga yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka;

3. Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) telah diluluskan pelaksanaannya di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM200 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja;
4. Skim Bantuan Anak Pelihara (BAP) dengan kadar bantuan adalah sebanyak RM250 sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500.00 sebulan sekeluarga yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih.
5. Skim Bantuan Latihan Perantis (BLP) dengan kadar bantuan sebanyak RM200.00 sebulan seorang. Kelulusan diberi mengikut tamat tempoh latihan yang dihadiri.
6. Skim Bantuan Am (BA) Persekutuan dengan kadar minimum bantuan sebanyak RM80.00 dan kadar maksimum sebanyak RM350.00 sebulan sekeluarga;

7. Skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dengan kadar RM100.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak dan maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga;
8. Skim Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300.00 sebulan seorang. Keutamaan diberi kepada orang tua yang tinggal sebatang kara dan miskin;
9. Pemberian Elaun Khas sebanyak RM150 sebulan kepada OKU yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti dan pelajar OKU di bawah kelolaan pertubuhan sukarela kebajikan;
10. Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT) dimana kadar untuk bantuan ini adalah mengikut harga sebenar alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kalipers, tongkat tangan/ketiak, kerusi roda, alat pendengaran, cermin mata khas dan lain-lain peralatan yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan;

11. Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar maksimum sebanyak RM2,700.00 sekaligus

Kadar bantuan yang disalurkan ketika ini adalah berpatutan dan wajar mengambil kira keperluan semasa. Selaras dengan prinsip ini, Kementerian telah meningkatkan kadar bantuan sebanyak RM50 bagi 2 jenis skim bantuan bagi menampung kos sara hidup yang kian meningkat seperti berikut:

- i. Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350;
- ii. Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM150 kepada RM200.

Kerajaan akan membelanjakan perbelanjaan tambahan sebanyak RM66 juta bagi menampung kos tambahan akibat kenaikan kadar bagi dua skim bantuan tersebut.